



MY CYBER HERO

Rookie Cyber Hero

Star Cyber Hero

Sekolah Rendah & Sekolah Menengah

**Syarat Cabaran Fasa
Kelayakan**

Syarat dan Peraturan

1. Fasa Cabaran:

Cabaran dibahagikan kepada dua (2) fasa seperti berikut:

a) Bengkel Dalam Talian:

Peserta boleh menyertai kursus dalam talian selama dua (2) jam. Terdapat tiga (3) sesi bengkel dalam talian yang menerangkan teori Komputer Sains, Rangkaian (Networking) dan Keselamatan Siber (Cyber Security). Penyertaan pelajar dalam bengkel dalam talian adalah tidak diwajibkan kepada semua peserta.

b) Kuiz:

Peserta dikehendaki oleh menjawab kuiz (dalam talian) yang akan menyentuh ketiga-tiga teori yang dipelajari pada sesi bengkel dalam talian. Pasukan hanya akan diberikan satu peluang untuk menjawab kuiz.

- Struktur kuiz adalah seperti berikut:

Masa: 60 minit

Jumlah Soalan: 45 soalan

Kandungan	Jumlah Soalan
Teori Komputer Sains	15
Teori Rangkaian	15
Teori Keselamatan Siber	15

- Kuiz bagi Rookie Cyber Hero dan Star Cyber Hero akan dibezakan dengan tahap kesukaran yang berbeza.
- Pautan kepada kuiz hanya akan diberikan kepada pasukan yang telah berdaftar sebelum tarikh tutup pendaftaran.
- Pasukan yang mendapat tempat tertinggi akan layak ke peringkat seterusnya. Hanya 15 pasukan terbaik yang akan dipilih untuk ke peringkat akhir.

- Platform kuiz hanya akan **dibuka pada tarikh kuiz** (akan diumumkan 1 minggu sebelum tarikh sebenar), **jam 9.00 pagi** dan akan **ditutup pada 9.00 malam**
- Masa yang diberikan untuk menjawab kuiz adalah 60 minit. Hanya soalan yang sempat dijawab dalam masa 60 minit sahaja yang akan diambil kira.
- Kedudukan pasukan akan dinilai melalui markah yang diperolehi. Pasukan yang mendapat markah tertinggi akan mendapat kedudukan yang teratas.
- Sekiranya terdapat pasukan yang mendapat markah yang sama, maka, kedudukan akan dinilai melalui waktu penghantaran kuiz yang lebih awal.

Sebagai contoh:

Kumpulan	Waktu Menjawab Kuiz	Durasi Menjawab kuiz	Markah
A	9.00 pagi	60 minit	45/45
B	4.00 petang	45 minit	45/45

Kumpulan A yang akan dipilih ke pusingan seterusnya kerana Kumpulan A berjaya menjawab kuiz pada waktu yang lebih awal berbanding Kumpulan B

2. Peraturan Umum:

- a. Semua keputusan yang dibuat oleh juri mengenai pemarkahan adalah muktamad dan penghakiman akan dijalankan tanpa sebarang prejudis. Diharapkan peserta menghormati semua keputusan yang dibuat oleh juri dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- b. Semua pasukan hendaklah mengisi borang penyertaan dan pautan kuiz akan diberikan hanya kepada pasukan yang berdaftar
- c. Semua peserta digalakkan untuk merujuk kepada penganjur untuk sebarang penjelasan lanjut yang diperlukan mengenai peraturan dan peraturan cabaran dan sokongan.
- d. Penganjur berhak untuk meminda dan menentukan Syarat dan Peraturan cabaran tanpa notis terlebih dahulu.
- e. Hak cipta untuk semua karya yang dicipta, dihasilkan atau diperolehi semasa cabaran hendaklah menjadi hak milik penganjur.